

# Dunia akan hancur — PM

UM 10 AUG 2003

Oleh  
AZNAN BAKAR dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 9 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, abad ke-21 akan menyaksikan kehancuran dunia jika semua pihak menganggap keamanan mustahil untuk dicapai, sebaliknya perang adalah penyelesaian kepada segala masalah.

Perdana Menteri berkata, sepatutnya semua negara di dunia terutama negara-negara Islam perlu meletakkan keamanan sebagai keutamaan.

“Ia akan menjadi satu komenar yang menyedihkan kepada ketamadunan kita pada abad ke-21 jika kita menerima bahawa keamanan itu sesuatu yang mustahil.

---

## Tamadun

“Bahawa dunia mesti sentiasa tinggal dalam ketakutan akan meletusnya perang, perlu sentiasa dilengkapi dengan senjata melibatkan kos yang begitu besar dan masih berada dalam ketakutan.

“Apa yang lebih menyedihkan apabila ketamadunan dalam abad ke-21 ini menerima bahawa yang lemah perlu terus ditindas oleh yang kuat,” katanya ketika merasmikan Persidangan Keamanan Dunia Kuala Lumpur di sini hari ini.

Oleh itu, katanya, seluruh dunia terutama negara-negara Islam perlu bersama-sama menggembelng tenaga untuk menegakkan keamanan.

Katanya, bagi orang Islam usaha memperjuangkan keamanan adalah selari dengan ajaran agama kerana perka-taan Islam itu sendiri bermaksud aman.

Sebab itu, kata beliau, Malaysia me-

■ Lihat muka 4

## Dunia akan hancur — PM

ngambil inisiatif memperkenalkan Anugerah Keamanan Dunia yang mana penerima pertamanya ialah Presiden Perancis, Jacques Chirac kerana usaha ke arah keamanan merupakan tuntutan agama.

“Mungkin ramai yang tidak percaya, tetapi Islam itu membawa maksud aman. Apabila kita bertemu antara satu sama lain kita mengucapkan ‘selamat sejahtera ke atas kamu,’” katanya

Malah katanya, secara kebetulan ucap selamat orang Yahudi iaitu *Shalom* juga bermaksud aman.

“Tetapi jika dilihat tiada keamanan di dunia Islam terutama di antara Islam dan Yahudi, ia bukan kerana agama. Ia kerana kedegilan dan perbezaan manusia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, keamanan perlu diperjuangkan bukan di medan pertempuran tetapi melalui persidangan.

“Tidak ada yang dikatakan perang untuk menamatkan perang, perang untuk keamanan yang berkekalan. Perang Dunia Pertama dan Kedua dianggap untuk menamatkan segala perang.

“Tetapi perang masih lagi bersama dengan kita seperti yang berlaku tidak lama dulu,” katanya.

Akibatnya kata beliau, negara yang lemah dan miskin tidak boleh mengabaikan pertahanan mereka ekoran adanya pemangsa yang suka berperang di dunia ini.

Negara-negara yang berkuasa katanya, berterusan menghasil senjata baru yang boleh memusnahkan dunia.

Lebih malang lagi kata beliau, dalam peperangan moden senjata yang digunakan tidak mengenal sempadan dan mangsa yang mana ia akan turut melibatkan orang awam yang tidak berdosa dan sasarannya pula tidak pernah terbatas.

“Keamanan tidak mustahil jika kita

mengecualikan sesiapa pun supaya patuh kepada satu-satunya pihak berkuasa antarabangsa yang kita ada iaitu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Kita perlu membuatkan ia berfungsi. Ia boleh berfungsi jika negara kuasa besar mengekalkan kredibiliti badan dunia itu dengan menghormatinya dan keputusan yang dibuat olehnya,” kata beliau.

Keamanan juga kata Perdana Menteri, boleh dicapai jika ketamakan kumpulan tertentu yang menggunakan nama demokrasi, kedaulatan undang-undang, pasaran bebas dan hak asasi manusia untuk kepentingan mereka dapat dibendung.

Akibatnya kata beliau, wujud ketidakseimbangan terutama dalam agihan kekayaan dunia di mana negara miskin akan bertambah miskin yang akhir akan menimbulkan penentangan.

“Dunia perlukan tindakan bersama supaya perbezaan di antara yang kaya dan miskin di seluruh dunia berkurangan dan ketegangan dapat diminimumkan. Dengan ini keamanan tidak mustahil (dapat dicapai),” katanya.

Keamanan juga kata beliau, perlu disemai di setiap jiwa individu di seluruh dunia dan dijadikan sebahagian daripada budaya kebangsaan bermula di sekolah dan dalam setiap aspek kehidupan.

“Budaya ini perlu diterap sepenuhnya secara serius terutama oleh rakyat negara-negara kuasa besar.

“Kita perlukan budaya keamanan terutama di kalangan mereka yang memperlengkapkan diri dengan senjata, mereka yang sentiasa memajukan senjata dan mereka yang menjualnya kepada negara yang berbalah,” ujarnya.